



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْهَوَالِ اِلَامَا اِسْلَامِ نَغَرِي سَابَاه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

04 JAMADILAKHIR 1445H/ 06 DISEMBER 2024M

LAKSANAKAN PERUBAHAN, DEMI KEJAYAAN

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Jabatan Kerja Raya (JKR)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾ (آل عمران: 191)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ، فَقَدْ
فَارَزَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"Laksanakan Perubahan, Demi Kejayaan"**.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Allah SWT telah menetapkan bahawa syariat Islam merupakan jalan kejayaan dan jalan kebahagiaan dalam segenap aspek kehidupan manusia. Pada dasarnya, Ilmu-ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan menjadi pemangkin utama dalam usaha membangunkan ummah.

Namun yang demikian, ilmu-ilmu tersebut mestilah bertunjangkan kepada landasan syariat Islam, agar manusia tidak hanyut dan tergelincir pegangan akidahnya. Tidak dapat dinafikan, impak perkembangan teknologi dan ledakan kemajuan kejuruteraan pada hari ini telah mengubah landskap kehidupan manusia mengikut arus perubahan zaman sama ada di daratan, lautan mahupun di udara.

Para sarjana Islam ulung terdahulu telah banyak menyumbang kepada perkembangan teknologi dunia seperti Al-Khawarizmi, Jabir Ibnu Hayyan, Al-Battani, Abbas Ibnu Firnas, Al-Biruni, Al-Jazari dan lain-lain lagi. Sumbangan besar mereka merangkumi penguasaan teknologi kejuruteraan, astronomi, matematik, fizik, aeroangkasa dan sebagainya. Marilah kita sama-sama meneroka usaha-usaha yang telah dirintis oleh ilmuan islam terdahulu bagi menghasilkan teknologi terbaru sesuai dengan trend peredaran zaman.

KAUM MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Akal merupakan salah satu nikmat dan rahmat kurniaan terbesar Allah SWT kepada makhluk-Nya yang bergelar manusia. Ia adalah merupakan sebuah mesin agung bukan sahaja berfungsi untuk mencari ilmu pengetahuan, bahkan ia dapat memandu manusia ke arah kebaikan di dunia dan akhirat. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nahl dalam ayat 78:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada

kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.”

Walau sehebat manapun teknologi serta keupayaan manusia, ia tidak akan sesekali dapat melepasi batasan ilmu Allah SWT. Dengan akal, manusia berjaya mereka cipta pelbagai peralatan, kenderaan, membina pelbagai prasarana seperti masjid, lapangan terbang, hospital, lebuh raya, jambatan, pesawat dan pelbagai lagi.

Oleh yang demikian, akal wajib dipelihara serta dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dalam melakukan perubahan demi melakar kejayaan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Dengan adanya akal, manusia turut berupaya mewujudkan pelbagai profesion teknikal seperti para jurutera, arkitek, jurukur bahan, ahli geologi, dan lain-lain lagi. Justeru, dengan berpaksikan keserjanaan disiplin ilmu masing-masing, kita mengharapkan warga profesion teknikal di negara ini dapat melaksanakan tugas dengan penuh iltizam dan berintegriti untuk menjayakan pembangunan negara yang seimbang demi kesejahteraan rakyat.

Perjuangan kita kini bagi membina sebuah negara yang bermaruah, masyarakat harmoni, seterusnya mengangkat jatidiri warganegara Malaysia yang menikmati kemakmuran, kebebasan dan keadilan bersama berorientasikan pembinaan negara yang baik serta dirahmati Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Menyimpul khutbah minggu ini, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:-

Pertama : Akal merupakan sebesar nikmat anugerah Allah kepada manusia. Justeru ia perlu digunakan sebaiknya untuk mencari petunjuk kebenaran serta memahami keterbatasan diri.

Kedua : Ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Menguasai disiplin pengajian tersebut merupakan fardu kifayah yang wajib dipenuhi.

Ketiga : Umat Islam hendaklah menanam semangat untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam aspek kehidupan. Dengan menguasai ilmu pengetahuan kita berupaya melakukan perubahan demi mengembalikan kecemerlangan ummah. Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**: *"Orang yang paling dikasihi oleh Allah adalah orang yang paling banyak memberikan manfaat untuk manusia lain."* (HR Imam at-Tabrani)

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah SWT dalam Surah ali- 'Imran, ayat 191 :

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksudnya: *"(laitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ
الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ
الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ
وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ
اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri
Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama
Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/
maklumat lanjut.